

UCAPAN
YAB DATO' SERI ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI
SEMPENA MAJLIS PERASMIAN BANGUNAN KWSP NEGERI PULAU PINANG
DI BANGUNAN KWSP NEGERI PULAU PINANG
29 OGOS 2002

Alhamdulillah, syukur kita ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurnianya dapat kita bersama-sama pada petang ini di Majlis Perasmian bangunan KWSP negeri Pulau Pinang. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak KWSP kerana telah memberi penghormatan kepada saya untuk menyampaikan ucapan, seterusnya merasmikan bangunan KWSP negeri Pulau Pinang yang tersergam indah ini.

2. Sesungguhnya, bangunan ini berbeza sekali dari pejabat asal KWSP negeri yang dibuka pada tahun 1969 di sebuah ruang kecil di bangunan Bank Negara di Georgetown. Perbezaan yang ketara ini menggambarkan kemajuan KWSP serta peningkatan peranannya sebagai sebuah institusi nasional yang bertanggungjawab mengurus skim simpanan wajib untuk hari persaraan semua pekerja, sama ada dari sektor swasta mahupun pegawai kerajaan yang tidak termasuk di dalam skim pencen.

3. Saya kira kemajuan yang kita lihat di pejabat baru ini juga mencerminkan kemajuan yang dicapai oleh negeri ini sendiri. Apa yang berlaku di Pulau Pinang dari segi pembangunan ekonomi turut juga dirasai oleh negeri- negeri lain di Malaysia ini. Bilangan majikan telah bertambah, dan bilangan pekerja turut naik dengan pesat. Dengan itu caruman yang dipungut oleh KWSP bertambah tahun demi tahun, hingga hari ini KWSP mempunyai dana yang terbesar di negara ini, iaitu sebanyak 196 billion ringgit.

Saudara saudari sekalian,

4. Saya berasa bangga dengan kemajuan dan prestasi yang dicapai oleh KWSP selama ini. Bukan saja KWSP dapat mengutip segala caruman dari pekerja dan majikan secara efektif, tetapi KWSP juga dapat memberi dividen yang berpatutan kepada ahli-ahlinya tiap-tiap tahun. Walaupun ada pihak yang mempertikaikan kadar dividen yang diberi, jika dilihat secara objektif dan mengambilkira keadaan ekonomi semasa keseluruhannya, apa yang dibayar kepada ahli-ahli adalah lebih baik berbanding faedah yang dibayar oleh institusi kewangan lain.

5. Walaupun begitu, saya sedar harapan ("expectation") rakyat terhadap KWSP amat besar sekali. Saya percaya KWSP akan terus menghadapi pelbagai cabaran yang berat, terutamanya di masa-masa akan datang. Antara lain, sejajar dengan kemajuan di bidang kesihatan dan perubatan di Malaysia, jangkaan hayat rakyat semakin meningkat - kini, lelaki di Malaysia dijangka hidup sehingga 70.3 tahun, sementara wanita dijangka berumur sehingga 75.2 tahun. Justeru, simpanan KWSP perlu bertahan lebih lama untuk lebih ramai orang. Sementara itu, rakyat semakin berilmu dan bermaklumat, dan mampu menilai dengan kritis prestasi KWSP. Dengan kemajuan yang ketara di pasaran kewangan kita, rakyat percaya mereka mempunyai lebih banyak pilihan dan lebih banyak kayu pengukur tentang kedudukan simpanan mereka di KWSP.

6. Oleh itu, walaupun kebolehan KWSP sekarang agak baik, namun KWSP perlu sentiasa memperbaiki kemampuannya untuk mengurus dan mengendalikan tabungan ahli-ahlinya. Kebolehan pengurusan dana ("fund management") KWSP perlu dipertingkatkan lagi, sesuai dengan tuntutan dan kemajuan di pasaran-pasaran kewangan dunia. Manakala strategi dan pendekatan di dalam pengendalian skim dan faedah bagi para ahli perlu bersifat kreatif dan inovatif agar KWSP dapat menangani cabaran-cabaran yang ada dan akan datang. Khidmat pelanggan KWSP juga perlu setanding atau melebihi perkhidmatan yang diberi, contohnya, di institusi- institusi kewangan yang lain. Pendek kata, pihak pengurusan KWSP perlu terus cekap dan telus dalam pengurusan, serta cepat dan responsif dalam mengendalikan permintaan dan kehendak para pelanggannya.

7. Sesungguhnya, mengurus dana yang begitu besar bukanlah satu perkara yang mudah. KWSP bukan saja memerlukan kakitangan yang cekap dan arif, tetapi juga memerlukan tahap keutuhan dan kejujuran yang tinggi. Pihak lembaga dan pengurusan KWSP mesti memastikan tidak berlaku apa-apa penyelewengan, dan tindakan tegas dan pantas diambil terhadap mana-mana pegawai yang didapati tidak jujur atau menyalahgunakan kuasa untuk kepentingan diri sendiri. Oleh itu jawatankuasa keutuhan KWSP mestilah melaksanakan tugasnya dengan penuh komitmen dan bertindak seperti yang diharapkan oleh kerajaan. Arahan ini bukan saya tujukan kepada KWSP sahaja, tetapi kepada semua jabatan dan agensi kerajaan yang lain. Hasrat kerajaan untuk mewujudkan sebuah pentadbiran yang cekap, bersih dan amanah adalah sangat serius dan perlu dihayati oleh semua.

8. Kepada para pegawai KWSP dan ahli-ahli lembaga, tuan-tuan dan puan-puan adalah pemegang amanah kepada seluruh warga pekerja dan majikan yang membuat caruman ke dalam KWSP. Justeru itu, pelaburan dana KWSP perlu dibuat dengan berhati-hati supaya simpanan ahli sentiasa selamat dan nilai simpanan pula dilindungi dengan dividen yang berpatutan. Jalankan tugas dan tanggungjawab tuan-tuan dan puan-puan dengan jujur dan ikhlas selaras dengan amanah yang diberi.

9. Kepada ahli KWSP dan majikan di seluruh negara, termasuklah di Pulau Pinang, gunakanlah perkhidmatan yang disediakan oleh KWSP dengan sebaik-baiknya. Ahli-ahli KWSP perlu peka mengenai hak mereka sebagai ahli. Mereka hendaklah memastikan majikan membayar caruman yang telah dipotong daripada gaji mereka kepada KWSP setiap bulan seperti yang ditetapkan oleh akta KWSP.

10. Majikan pula perlu menjalankan tanggungjawab mereka untuk membayar caruman bagi pihak pekerja dengan teratur. KWSP tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan terhadap mana-mana majikan yang engkar untuk membayar caruman. Jika kedua-dua ahli dan majikan melaksanakan tanggungjawab mereka dengan baik, maka sudah tentulah masa depan pekerja di negara ini akan lebih terjamin, terutamanya bagi menghadapi hari persaraan mereka dengan aman dan selesa.

11. Akhir kata, saya ingin merakamkan penghargaan saya sekali lagi di atas jemputan untuk hadir bersama-sama di majlis ini. Saya berharap KWSP akan terus berusaha untuk memberikan sumbangan yang cemerlang di seluruh negara, termasuklah di negeri Pulau Pinang ini. Maka dengan kata-kata itu, dan dengan lafaz bismillahir rahmanir rahim, saya dengan sukacitanya merasmikan bangunan KWSP negeri Pulau Pinang.

Sekian, terima kasih.